



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

17 FEBRUARI 2022 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

17 FEBRUARI 2022 (KHAMIS)

Penularan COVID-19

'Jangan mudah terpedaya beli kit ujian kendiri murah'

MDA siasat berhubung keraguan pengguna

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) menjalankan siasatan berhubung keraguan orang ramai terhadap keputusan ujian menggunakan kit ujian kendiri COVID-19 di pasaran.

Ketua Eksekutifnya, Ahmad Shariff Hambali, berkata orang ramai dinasihatkan lebih berjaga-jaga bagi mengurangkan risiko mendapat keputusan ujian meragukan dan membantu usaha mengurangkan jangkitan COVID-19.

Beliau meminta orang ramai hanya dapatkan kit ujian kendiri COVID-19 yang diluluskan MDA dari farmasi komuniti, fasiliti kesihatan atau premis yang berdaftar dengan Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Kit ujian yang mendapat kelulusan sudah melalui proses penilaian ketat oleh MDA dan diuji prestasinya di makmal berakreditasi terpilih.

"Jangan mudah terpedaya membeli kit ujian dengan harga terlalu murah kerana ia mungkin barang tiruan atau palsu, luput tarikh penggunaan, terdapat kerosakan atau diperoleh daripada sumber yang tidak sah,"



Orang ramai perlu dapatkan kit ujian kendiri COVID-19 yang diluluskan MDA dari farmasi komuniti. (Foto hiasan)

katanya semalam.

Ahmad Shariff berkata, MDA turut menggesa orang ramai memastikan keadaan fizikal kotak pembungkusan kit ujian berada dalam keadaan baik.

Selain itu, katanya, ia mestilah disimpan di tempat penyimpanan seperti disarankan penglang dan mengandungi maklumat nama dan alamat pengedar, tarikh luput yang masih sah dan belum tamat tempoh serta arahan penggunaan dan pelupusan.

Katanya, kerosakan fizikal kotak pembungkusan boleh menyebabkan kerosakan kit ujian dan menyebabkan keputusan yang diperoleh adalah tidak tepat dan diragui.

"Pengguna perlu memastikan mengikuti semua langkah yang dinyatakan dalam arahan penggunaan untuk mendapatkan ke-

putusan ujian yang tepat," katanya.

Mengenai desakan supaya MDA mengeluarkan senarai muktamad kit ujian kendiri COVID-19 yang boleh dipercayai dan tepat, beliau berkata, kelulusan pengimportan dan pengedaran kit ujian kendiri COVID-19 dilakukan melalui proses dan keperluan yang ketat.

Katanya, ini termasuk syarikat yang hendak mengimport dan mengedarkan kit ujian COVID-19 hendaklah mempunyai lesen bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan mendapat persijilan sistem pengurusan kualiti, *Good Distribution Practice for Medical Device (GDPMD)* yang menetapkan standard bagi pengurusan kit ujian serta memudahkan untuk pengesanan, terutama jika terdapat masalah berkaitan kit uji-

an dalam pasaran.

Beliau berkata, pihaknya melancarkan kaji selidik pada 24 Disember lalu untuk mengumpul dan menganalisis maklumat prestasi kit ujian kendiri COVID-19 terus dari pengguna.

"MDA juga sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan dan pengawalsupra, seperti memberi amaran, menjalankan serbuan dan rampasan untuk memastikan syarikat yang terbabit dalam pengimportan dan pengedaran kit ujian kendiri COVID-19, sentiasa mematuhi peraturan ditetapkan," katanya.

Pada 11 Februari lalu, Pengurus Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye menggesa MDA mengambil tindakan pantas untuk meyakinkan orang ramai susulan keputusan palsu diperoleh melalui penggunaan kit ujian pantas.

Bekalan kit ujian Covid-19 pulih dalam tempoh seminggu

MASALAH kekurangan bekalan kit ujian pantas (RTK) antigen di pasaran dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh seminggu hingga tiga minggu apabila pengimport menerima bekalan dari China selain pengeluaran besar-besaran oleh kilang tempatan.

» BERITA DI MUKA 3





MASALAH kekurangan RTK dijangka pulih dalam masa terdekat selepas kilang-kilang tempatan diarahkan meningkat pengeluaran produk tersebut. — GAMBAR HIASAN

Cuti perayaan, kes Covid-19 naik punca stok habis

Bekalan RTK dijangka pulih seminggu lagi

Oleh RIDZAUDIN ROSLAN

PETALING JAYA – Isu kekurangan bekalan kit ujian pantas (RTK) antigen di pasaran ketika ini dijangka pulih dalam masa terdekat selepas pengimport menerima bekalan dari China.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, pada masa sama, pengeluaran RTK oleh kilang-kilang tempatan juga akan dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan pengguna lebih-lebih lagi dalam situasi kes Covid-19 yang sedang meningkat ketika ini.

"Kami telah menghubungi pihak pengilang tempatan dan mereka akan mempertingkatkan pengeluaran ujian kit Covid-19.

"Selain itu, pengimport juga dijangka menerima bekalan dari China dalam masa seminggu ketiga minggu lagi," katanya ketika dilihubungi Kosmo! di sini semalam.

Beliau mengulas laporan Kosmo! mengenai nasib dialami peniaga apabila bekalan kit ujian Covid-19 habis diborong selain kegusaran pengguna sekiranya



KERATAN Kosmo! semalam.

harga alatan itu akan dinaikkan disebabkan terdapat permintaan yang tinggi.

Mengulas lanjut, Azman memberitahu, cuti perayaan di China baru-baru ini menyebabkanemasukan stok kit ujian Covid-19 tersebut sedikit tergendala.

"Permintaan yang tinggi terhadap RTK terutamanya ketika kes Covid-19 meningkat turut menjadi penyumbang kepada faktor kekurangan bekalan di pasaran.

"Jika diikutkan, pada awal bulan ini, stok bekalan RTK dalam negara adalah sebanyak 18 juta unit dan jumlah tersebut mencukupi dalam keadaan biasa. Tetapi apabila kes meningkat, permintaannya juga melonjak.

"Apabila kes meningkat, banyak ujian calitan dilakukan seperti di sekolah atau majlis-majlis keraian. Situasi itu menyebabkan berlakunya permintaan men-

dadak terhadap produk berkenaan," jelasnya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai kemungkinan terdapat peniaga yang mengambil kesempatan dengan menaikkan harga kit berkenaan, Azman bagaimanapun meminta kerjasama orang ramai supaya melaporkan kepada KPDNHEP sekiranya berdepan dengan situasi tersebut.

"Harga siling yang ditetapkan bagi RTK Covid-19 ialah RM19.90, jika ada yang jual lebih mahal, tolong laporkan kepada KPDNHEP untuk tindakan lanjut," ujarnya.

Kosmo! semalam melaporkan sebanyak 50 unit RTK antigen habis dijual dalam tempoh empat jam. Selain itu, ada peniaga di beberapa buah negeri terputus bekalan sejak minggu lalu selepas cuti Tahun Baharu Cina.

Ibu bapa juga 'memborong' kit ujian Covid-19 bagi memeriksa status kesihatan masing-masing sebelum bekerja dan ke sekolah.

Kes positif Covid-19 kini melebihi 20,000 sehari dan varian Omicron yang lebih mudah menjangkiti turut menyumbang kepada masalah kekurangan bekalan kit tersebut.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 17/2/2022
M/SURAT : 8

Kit ujian pantas (RTK) Antigen Covid-19 cukup

Melaka: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka memberi jaminan kit ujian pantas (RTK) Antigen Covid-19 mencukupi bagi kegunaan rakyat negeri itu di sebalik peningkatan kes ketika ini.

Pengaruhnya, Norena Jafar berkata, permintaan terhadap kit ujian itu ketika ini meningkat secara mendadak sebagai langkah awal mencegah penularan variain Omicron dalam kalanngan masyarakat.

"Hasil pemeriksaan dan pemantauan dijalankan Seksyen Penguatkuasa, KPDNHEP Melaka dari September 2021 hingga Januari lalu, 1,148 premis yang menjual kit ujian pantas diperiksa dan tiada aduan diterima berkaitan bekalan mahupun harga jualan melebihi harga kawalan.

"Secara amnya rata-rata peniaga di Melaka menjual kit ujian pantas ini di bawah harga siling yang ditetapkan kerajaan iaitu RM19.90 seunit,"

katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, ketika ini ada 100 jenama kit ujian pantas dijual di seluruh negara dengan harga terendah RM4.90 dan tertinggi (RM19.90) selaras dengan harga siling ditetapkan kerajaan.

Dalam perkembangan lain, Norena berkata, 6,203 premis perniagaan membabitkan peruncit, pemborong dan pengilang atau peladang diperiksa sejak 1 Januari hingga 14 Februari lalu.

Beliau berkata, selain itu, KPDNHEP Melaka menerima 91 aduan rasmi harga, dan hingga kelmarin, sebanyak 75 kes membabitkan nilai rampasan berjumlah RM1,080.70 terdiri daripada semua akta undang-undang dikuatkuaskan KPDNHEP.

"Sebanyak RM12,160.00 kompaun dan RM90,000.00 denda dikeluarkan meliputi semua kesalahan yang diambil tindakan," katanya.

**Rata-rata
peniaga di Melaka jual
kit ujian pantas
di bawah harga siling**

HARI : KHMAIS
TARIKH : 17/2/2022
M/SURAT : 28

Kit ujian pantas RTK Antigen Covid-19 mencukupi

MELAKA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka memberi jaminan kit ujian pantas (RTK) Antigen Covid-19 mencukupi bagi kegunaan rakyat negeri itu meskipun kes Covid-19 mencatat peningkatan ketika ini.

Pengaruhnya, Norena Jaafar berkata, permintaan terhadap kit ujian tersebut ketika ini meningkat secara mendadak sebagai langkah awal mencegah penularan varian Omicron dalam kalangan masyarakat.

"Hasil pemeriksaan dan pemantauan dijalankan Seksyen Penguatkuasa, KPDNHEP Melaka dari September 2021 hingga Januari 2022, sebanyak 1,148 premis yang menjual kit ujian pantas telah diperiksa dan tiada aduan diterima berkaitan bekalan mahupun harga jualan melebihi harga kawalan.

"Secara amnya rata-rata peniaga di Melaka menjual kit ujian pantas ini di bawah harga siling yang ditetapkan kerajaan iaitu RM19.90 seunit," katanya dalam kenyataan pada rabu.

Beliau berkata ketika ini terdapat 100 jenama kit ujian pantas dijual di seluruh negara dengan harga terendah RM4.90 dan tertinggi (RM19.90) selaras dengan harga siling ditetapkan kerajaan. - Bernama

HARI :	KHAMIS
TARIKH :	17/2/2022
M/SURAT :	4

Sufficient self-test kits in Malacca

MALACCA: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has given an assurance that there is sufficient supply of the Covid-19 Antigen rapid test kit (RTK) in Malacca.

Its state director Norena Jaafar said there had been a significant increase in demand for the kits, with the public taking more proactive

measures by conducting self-testing following an increase in Covid-19 cases.

She said the ministry's enforcement section in Malacca conducted checks at 1,148 premises selling the test kits from September 2021 to last month.

"There were no complaints regarding shortage of the test kits, or

that they were being sold above the price set by the government," she said in a statement yesterday.

She added that there were 100 RTK brands sold nationwide, with the price ranging from RM4.90 to RM19.90 per unit, in line with the ceiling price set by the government.

In another development, Norena said a total of 6,203 business

premises involving retailers, wholesalers and manufacturers were inspected by the agency between Jan 1 to Feb 14 and a total of 91 complaints on price of goods were received during the period.

Based on the complaints, 75 cases were filed and involved seizure of goods worth RM1,080.70. Compounds totalling RM12,100

and fines of RM90,000 were also issued.

For inquiries or complaints, the public can contact the ministry's enforcement command centre in Malacca at 06-2345 869, which operates daily from 8am to 6pm, or the Putrajaya office at 03-6882 6088, which operates around the clock. - Bernama

Peniaga kena denda RM100,000 kes rasuah pegawai KPDNHEP

Ipoh: Seorang peniaga baja didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam selepas mengaku salah atas tuduhan merasuh pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), empat tahun lalu.

Hakim M Bakri Abd Majid, turut menetapkan hukuman penjara 10 bulan sekiranya tertuduh, Lee Soon Teck, 53, gagal menjelaskan denda berkenaan.

Soon Teck mengaku salah atas pertuduhan dibacakan, iaitu secara rasuah memberi suapan wang tunai RM30,150 kepada Pembantu Penguat Kuasa Muhammad Fitriy Hassan yang bertugas di Ibu Pejabat KPDNHEP di Putrajaya.

Suapan itu sebagai satu balasan untuk melepasan tertuduh daripada dikenakan tindakan undang-undang kerana menyimpan baja bersubsidi tanpa lesen di bawah kesalahan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di premis Guan Choon di Batu 6, Jalan Baru, Parit



Soon Teck dibawa ke Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam.
(Foto BERNAMA)

Buntar pada jam 10.30 pagi 8 Oktober 2018.

Pertuduhan dibacakan mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksian dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa

Raya Maziyah Mansor, manakala tertuduh diwakili peguam V A Kailashan.

M Bakri turut memerintahkan wang tunai RM30,150 yang juga wang suapan rasuah dalam kes ini dilucutahkan kepada Kerajaan Malaysia mengikut Seksyen 40(1)(a) Akta SPRM 2009.

Peniaga baja 'suap' pegawai KPDNHEP didenda RM100,000

IPOH – Seorang peniaga baja didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pilhan kerana merasuh penjawat awam sebanyak RM30,150 empat tahun lalu.

Tertuduh, Lee Soon Teck, 53, turut berdepan hukuman penjara 10 bulan sekiranya gagal membayar denda itu.

Hakim M. Bakri Abd. Majid memerintahkan wang rasuah tersebut dilucut hak kepada kerajaan Malaysia di bawah Seksyen 40(1)(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Soon Teck didakwa memberi suapan tunai kepada Pembantu Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, Muhammad Fithry Hassan.

Wang itu sebagai dorongan untuk melepaskan tertuduh daripada dikenakan tindakan undang-undang kerana menyimpan baja bersubsidi tanpa lesen di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kesalahan dilakukan di sebuah premis di Batu 6, Jalan Baru, Parit Buntar pada pukul 10.30 pagi, 8 Oktober 2018.

Timbalan Pendakwa Raya, Maziyah Mansor mengemukakan pendakwaan mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun dan denda atau kedua-duanya. Terduduh diwakili peguam, Kailash Vasudevan Appu.

Pada 8 April lalu, Soon Teck mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh atas tuduhan memberi rasuah RM30,150 kepada seorang penjawat awam pada 2018.



SOON TECK (kiri) mengaku bersalah atas tuduhan berkaitan rasuah di Mahkamah Sesyen Ipoh semalam.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 17/2/2022
M/SURAT : 13

Peniaga baja didenda RM100,000

Ipoh: Peniaga baja didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam selepas mengaku bersalah memberi suapan wang tunai kepada penjawat awam, empat tahun lalu.

Hakim M Bakri Abd Majid turut menjatuhkan hukuman penjara 10 bulan jika tertuduh, Lee Soon Teck, 53, gagal menjelaskan denda berkenaan.

Lelaki itu mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan dibacakan iaitu secara rasuah memberi suapan wang tunai berjumlah RM30,150 kepada seorang ejen Kerajaan Malaysia (penjawat awam) iaitu Pembantu Penguat Kuasa

Muhammad Fithry Hassan yang bertugas di Ibu Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Putrajaya.

Suapan itu sebagai satu balasan untuk melepaskan tertuduh daripada diambil tindakan undang-undang kerana menyimpan baja bersubsidi tanpa lesen di bawah kesalahan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di Premis Guan Choon, Batu 6, Jalan Baru, Parit Buntar jam 10.30 pagi 8 Oktober 2018.

Pertuduhan pilihan itu dibaca mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksaan yang

sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Maziyah Mansor manakala tertuduh diwakili peguam V A Kailashii.

Sebelumnya, tertuduh turut didakwa mengikut Seksyen 17 (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang sabit kesalahan boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Peniaga baja didenda RM100,000



Soon Teck didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen Ipoh pada Rabu selepas mengaku bersalah atas tuduhan memberi rasuah kepada seorang penjawat awam pada 2018.

Mengaku salah beri rasuah kepada penjawat awam

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF

IPOH

Secorang peniaga baja didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen Ipoh pada Rabu selepas mengaku bersalah atas tuduhan memberi rasuah RM30,150 kepada seorang penjawat awam, empat tahun lalu.

Hakim M Bakri Abd Majid membuat keputusan itu selepas tertuduh, Lee Soon Teck, 53, mengaku bersalah atas pertuduhan pilihannya yang dibacakan terhadapnya.

Tertuduh turut berdepan hukuman penjara 10 bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Mahkamah turut memerintahkan wang rasuah itu dilucut hak kepada kerajaan Malaysia di bawah Seksyen 40(1)(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa memberi sumpan berbentuk wang tunai berjumlah RM30,150 kepada Pembantu Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, Muhammad Fithry Hassan.

Perbuatan itu sebagai dorongan untuk melepaskan tertuduh daripada diambil tindakan undang-undang kerana menyimpan baja bersubsidi tanpa lesen di bawah

Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah premis di Batu 6, Jalan Baru, Parit Buntar, kira-kira jam 10.30 pagi pada 8 Oktober 2018.

Pendakwaan terhadap lelaki itu dibuat mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksian, yang sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman penjara tidak sampai 10 tahun atau dengan denda, atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Maziyah Mansor manakala tertuduh diwakili peguam Kailashii Vasudevan Appu.

Pada April tahun lalu, media melaporkan tertuduh mengaku tidak bersalah di bawah Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 bagi kesalahan sama.

Court fines factory owner RM100,000 for offering bribe

IPOH: A fertiliser factory owner was fined RM100,000 by the sessions court here yesterday after he pleaded guilty to bribing a Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement assistant four years ago.

Justice M. Bakri Abd Majid also sentenced Lee Soon Teck, 53, to 10 months' jail if he fails to pay the fine. Lee paid the fine.

The court also ordered the bribe money, amounting to RM30,150, be forfeited in accordance with Section 40(1)(a) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009.

Lee was charged with bribing Muhammad Fithry Hassan, who was then working at the ministry's headquarters in Putrajaya, in return for not taking legal action against him for storing subsidised fertiliser without a licence under the Control of Supplies Act 1961.

The offence was committed at a premises in Batu 6, Jalan Baru, Parit Buntar in Perak at 10.30am on Oct 8, 2018.

The charge was framed under Section 214 of the Penal Code, which carries a maximum jail term of 10 years or fine, or both.
- Bernama

HARI :	KHAMIS
TARIKH :	17/2/2022
M/SURAT :	7

**HIGH DEMAND**

Sufficient supply of Covid-19 self-test kits in Melaka

MELAKA: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has given an assurance that there is sufficient supply of Covid-19 Antigen Rapid Test (RTK) kits in Melaka.

Its Melaka director, Norena Jaafar, said there had been a significant increase in the demand for the test kits with the public taking proactive measures to conduct self-testing following

the increase in Covid-19 cases in the state.

She said the ministry's enforcement unit in Melaka conducted checks on 1,148 premises selling the test kits from September last year to this January.

"There were no complaints on the shortage of supply or the test kits being sold above the prices set by the government."

She said 100 brands of RTK were

being sold nationwide with prices ranging from RM4.90 to RM19.90 per unit in line with the ceiling price set by the government.

Meanwhile, Norena said 6,203 business premises involving retailers, wholesalers and manufacturers were inspected between Jan 1 and Feb 14 this year. During this period, the agency received 91 complaints on prices of goods.

Based on the complaints, 75

cases were filed, with seizure of goods worth RM1,080.70. Compounds totalling RM12,100 and fines of RM90,000 were issued.

For enquiries or complaints, the public can contact the ministry's Enforcement Command Centre in Melaka at 06-2345869 from 8am to 6pm daily or the Putrajaya office at 03-88826088, which operates round the clock.

Bernama

HARI : KHAMIS
TARIKH : 17/2/2022
M/SURAT : 1



SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **17/2/2022**
M/SURAT : **16**



▪ Ayam	RM8.90
▪ Daging Lembu Tempatan	RM4.5
▪ Daging Lembu Import	RM2.8

▪ Telur Gred A	RM12.90
▪ Ikan Kembung	RM18
▪ Minyak Masak	RM6.55

▪ Gula Pasir	RM2.85
▪ Bawang Besar Holland	RM2.39
▪ Bawang Putih	RM5.50

▪ Cili Merah	RM10.88
▪ Kubis Tempatan	RM3
▪ Tepung Gandung	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP